

SOALAN NO : 37

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur  
Bin Salleh [ Kalabakan ]

**TARIKH** : 3 April 2018 ( Rabu)

**SOALAN** : Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur  
Bin Salleh [ Kalabakan ] minta **MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan menyatakan berapa **bilangan  
syarikat yang menjalankan perusahaan  
membekal beras dan gula** di negara ini  
terutama sekali di Sabah dan siapakah  
pemilik syarikat-syarikat berkenaan.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini terdapat 1,618 syarikat pemborong beras dan 27,094 syarikat peruncit beras yang terlibat membekal dan mengedarkan beras dari kategori import dan tempatan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 248 dan 4,084 adalah syarikat pemborong dan peruncit beras dari negeri Sabah.

Bagi pengedar gula pula, sehingga 31 Disember 2017 terdapat 1,089 syarikat pemborong gula yang berdaftar di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 225 syarikat terletak di negeri Sabah. Jenis syarikat berkenaan adalah berbeza-beza, sama ada perniagaan milikan tunggal, perkongsian atau syarikat sendirian berhad.

77

SOALAN NO. 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI**  
**JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Idris Bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta PERDANA**  
**MENTERI menyatakan:**

Berapakah kes jenayah yang melibatkan pemandu Uber dan Grab terhadap penumpang sejak ia mula beroperasi di negara ini.